

Wakaf Kaki Majlis Agama Islam Kedah (Maik): Kajian Kes di Daerah Kota Setar

Foot Waqf Scheme of Islamic Religious Council of Kedah (Maik): Case Study in District of Kota Setar

Alias Azhar dan Wan Suhairan Wan Ahmad

*Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia.
Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Terbuka Malaysia.*

ABSTRAK

Institusi wakaf memainkan peranan sebagai pemangkin dalam menjana sosioekonomi masyarakat Islam. Menyedari hakikat ini, Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) telah mengambil inisiatif dan langkah yang inovatif untuk mengukuhkan institusi ini dengan memperkenalkan skim wakaf kaki sejak sekian lama. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan membincangkan tentang konsep wakaf secara umum dan skim wakaf kaki secara fokus pelaksanaannya di daerah Kota Setar, Kedah. Data-data yang diperoleh hasil daripada kajian kepustakaan, dokumentasi, temu bual dengan pihak berkepentingan, pemerhatian dan tinjauan tapak dijadikan sumber dalam membuat analisis yang dijalankan secara kualitatif. Hasil kajian mendapati skim wakaf kaki telah berjaya mencapai matlamatnya walaupun berdepan dengan beberapa masalah dan halangan. Seterusnya, beberapa cadangan dikemukakan bagi mengatasi masalah ini daripada berterusan pada masa akan datang supaya harta tanah wakaf dapat terus dibangunkan melalui skim wakaf kaki dan menjadi aset yang bernilai bagi pembangunan ekonomi umat Islam khususnya di negeri Kedah.

Kata kunci: wakaf kaki, Majlis Agama Islam Kedah, Kota Setar, masjid, wakalah.

ABSTRACT

Waqf institution plays a role as a catalyst in improving the socio-economic status of the Muslim community. Recognizing this fact, Islamic Religious Council of Kedah (MAIK) has taken innovative initiatives to strengthen this institution by introducing foot waqf scheme. In this regard, this article will discuss the concept of waqf in general and the foot waqf scheme focusing on its implementation in Kota Setar, Kedah. The data obtained

from library research, documentation, interviews with stakeholders, site observations and surveys were used as sources for qualitative analysis. The findings show that the foot waqf scheme has succeeded in achieving its goals despite facing some problems and obstacles. Subsequently, several suggestions were raised to overcome this problem from continuing in the future so that waqf of land property could be further developed through a foot waqf scheme and become a valuable asset for the economic growth of Muslims in Kedah.

Keywords: foot waqf scheme, Islamic Religious Council of Kedah, Kota Setar, mosque, wakalah.

1.0 PENGENALAN

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*. Ia mempunyai pelbagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, *waqf* memberi makna berhenti, menegah dan menahan (Ibn Manzur, 1990). Fuqaha (al-Nawawi:t.t, Ibn ‘Abidin, 1994 dan Al-Sarakhsi: t.t.) bersepakat mentakrifkan wakaf dari segi bahasa sebagai *al-Habs* (menahan) kerana maksudnya lebih hampir kepada pengertian syara’. Wakaf ialah suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara (sorih) terang atau (kinayah) sindiran, di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan untuk tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus.

Dari segi istilah, ia bermaksud menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Harta yang diwakafkan hendaklah berada dalam keadaan yang baik, kekal dan tujuan ia melakukan wakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memberi kebajikan kepada orang lain. Pewakaf juga tidak lagi mempunyai hak ke atas harta wakaf tersebut (al-Syarbini, 1997), manakala Muhammad ‘Arfa al Dusuqi (1980) pula menjelaskan bahawa wakaf adalah memberikan manfaat sesuatu harta yang dimiliki kepada orang yang berhak dengan satu akad dalam jangka masa tertentu, sesuai dengan kehendak pewakaf. Menurut Ibn Qudamah (1972) dari ulama Mazhab Hanbali menyatakan bahawa wakaf adalah menahan yang asal dan memberikan hasilnya.

Artikel ini membincangkan wakaf secara khusus skim wakaf kaki amalan di negeri Kedah. Selain itu, tinjauan secara khusus pelaksanaan wakaf kaki di daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman turut dilakukan bagi mendapat gambaran jelas realiti pelaksanaannya. Menurut Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri (2012), wakaf kaki adalah mewakafkan harta bagi tujuan kebajikan dengan cara pengurusan wakaf membeli keseluruhan harta dan pewakaf membayar harga

mengikut sukatan tertentu yang dikehendakinya. Wakaf Kaki atau wakaf petak atau dikenali juga dengan nama wakaf lantai. Nazir wakaf atau pemegang amanah akan membeli keseluruhan hartanah dan pewakaf akan membeli hartanah berkenaan mengikut saiz/kaki persegi dan kemudiannya mewakafkannya kembali (Mohd Shah Firafizal bin Abu Bakar, 2005). Skim wakaf kaki biasanya dianjurkan oleh institusi pendidikan atau badan-badan tertentu untuk mendapatkan dana bagi membiayai aktiviti pembangunan. Lazimnya apabila sesuatu projek pembangunan itu telah berjaya, maka skim wakaf kaki ini akan dihentikan. Ia akan dibahagi-bahagikan lot-lot tanah mengikut saiz tertentu dan dijual kepada orang ramai dengan harga tertentu. Tanah-tanah yang dibeli ini disyaratkan agar diwakafkan semula kepada institusi pendidikan atau badan-badan berkenaan (Baharuddin Sayin, *et.al*, 2006).

Pemegang amanah akan membeli keseluruhan hartanah dan pewakaf akan membayar harga hartanah berkenaan mengikut sukatan saiz/kaki persegi tertentu yang dikehendakinya. Wakaf kaki menjadikan tanah yang ingin diwakafkan dapat dibeli mengikut kiraan kaki, lalu tanah tersebut menjadi milik bersama, iaitu kesemua pemilik tanah tersebut yang menjadi milik bersama, iaitu kesemua pemilik tanah tersebut yang telah membelinya bersetuju untuk mewakafkan tanah tersebut (Zaharuddin Abdul Rahman, 2014). Wakaf kaki merujuk kepada pembelian harta tanah mengikut ukuran atau kaki persegi dan kemudian akan diwakafkan kembali saiz atau ukuran tertentu yang dibeli melalui pemegang amanah wakaf tersebut. Wakaf kaki juga dikenali dengan wakaf lantai, wakaf petak atau wakaf jemba.

2.0 PELAKSANAAN WAKAF KAKI DI NEGERI KEDAH

Harta tanah wakaf yang dibangunkan secara skim wakaf kaki telah berfungsi sebagai salah satu cabang menjana pembangunan sosio ekonomi umat Islam di negeri Kedah. Walaupun kewujudannya kadangkala tidak disedari oleh segelintir umat Islam, namun ia telah memberi kesan positif terhadap umat Islam di negeri Kedah ini. Harta tanah wakaf yang wujud di negeri Kedah ini sejak dari dahulu lagi telah meletakkan taraf umat Islam lebih tinggi berbanding kaum lain khususnya di negeri Kedah ini. Sebagai badan tunggal di Negeri Kedah yang bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan harta tanah wakaf, (MAIK) melaksanakan tugasnya berpandukan kepada peruntukan 52 di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Kedah Darul Aman (2008) yang menyatakan bahawa:

“Walau apapun apa-apa peruntukan dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis

hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas..."

Berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (2008) di atas, jelaslah bahawa pihak MAIK merupakan pemegang amanah tunggal dalam menjaga harta wakaf di negeri Kedah dan amanah ini merupakan amanah besar yang dipikul oleh MAIK demi menjaga harta wakaf umat Islam khususnya di negeri Kedah. Justeru, MAIK mempunyai hak untuk membangunkan harta wakaf di negeri Kedah. Berdasarkan peruntukan MAIK juga adalah penerima wakaf di mana pewakaf boleh mewakafkan harta kepada MAIK. Oleh yang demikian, berdasarkan penjelasan di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa harta wakaf termasuklah pelaksanaan wakaf kaki di negeri Kedah hanya ditadbir dan dikawal selia oleh pihak MAIK sahaja, iaitu di bawah pengurusan Bahagian Wakaf. Sebagai pemegang amanah tunggal bagi harta tanah wakaf, MAIK berhak menjalankan sebarang kegiatan pembangunan ke atas harta tersebut dan juga memungut sebarang hasil daripadanya.

Skim wakaf kaki telah dilaksanakan di negeri Kedah sejak dahulu lagi. Tuan Syeikh Ahmad Zaki Bin Ghazali, Ketua Bahagian Wakaf MAIK (2015) menegaskan bahawa jumlah tanah wakaf yang diuruskan oleh Bahagian Wakaf MAIK kini pada keseluruhannya mengalami peningkatan yang begitu sedikit dari tahun ke tahun. Begitu juga dengan wakaf yang melibatkan wakaf secara wakaf kaki.

Jadual 1: Jumlah keluasan tanah yang diwakafkan secara wakaf kaki mengikut daerah di Negeri Kedah (MAIK, 2015)

BIL	DAERAH	NO LOT DAN ALAMAT	TARIKH WAKAF	KELUASAN Kaki persegi	TUJUAN WAKAF
1.	Yan	Lot 3891 Batu 16, Padang Lumat, Guar Chempedak	22/7/2012	Tiada	Wakaf kaki Kubur Masjid Ubudiah Wakaf Kaki Tapak
2.		Lot 1383 Mukim Singkir Darat	16/5/2012	72,307.276	Perkuburan Islam Singkir Darat
3.	Kota Setar	Lot 404, Mukim Limbong Kota Setar	13/4/1998	335,403.17	Wakaf kaki faedah Masjid Padang Petani Langgar
4.		Lot 611 Mukim Sg Baru Gunong	24/9//2004	144,660.31	Wakaf kaki Darul Quran
5.		Lot 175 Lengkuas			Wakaf kaki

			8/8/2001	24,509.14	untuk Masjid Padang Hassan
6.		Lot 214 Telok Chengai	27/4/2004	39,743.756	Wakaf kaki Kariah Masjid Telok Chengai
7.		Lot 613 ,Jalan Langgar	16/12/2008	18,480.281	Wakaf kaki Tapak Masjid Al Badar
8.		Lot 1271 ,Anak Bukit	28/5/2015	0.1879	Wakaf Kaki Maslahah surau Taman Berlian
9.		Lot 2151 Mukim Sg pasir Padang Temusu	28/1/2003	25,016.217	Wakaf kaki Tapak masjid Masjid Tunku Puan Habsah
10.	Kuala Muda	Lot 1222,Kg Berapit Mukim Pekula Tikam Batu	24/7/2011	Tiada	Wakaf kaki tapak perkuburan Masjid Nur Hidayah
11.		Lot 1222, Bujang	18/7/2011	6,985.0880	Wakaf kaki Kg Berapit
12.		PT 4042 Sungai Petani	11/9/2000	Tiada	Wakaf kaki Masjid Taman Intan
13	Baling	Lot 318, Kupang	24/3/2011	56,639.616	Wakaf kaki Sek Agama Diniyah Islamiah Kupang
		Lot 2165, Siong	23/9/2007	Tiada	Wakaf kaki bagi kepentingan masjid Kariah Bechah Sawa
13.	Kubang Pasu	PT 756 Bukit Tinggi Jitra	4/8/2008	54,344.294	Wakaf kaki tapak perkuburan Islam Qariah Masjid Al Muttaqin
14.	Langkawi	Lot Mukim Ulu Melaka	24/3/2011	140,737.90	Wakaf kaki Maktab Mahmud Langkawi

Sumber: MAIK 2015

Merujuk kepada jadual 1, keluasan dan taburan harta tanah wakaf yang dibangunkan secara wakaf kaki di bawah pentadbiran MAIK dibahagikan mengikut setiap daerah masing-masing yang terdiri daripada enam daerah sahaja, iaitu Kota Setar, Kuala Muda, Baling, Kubang Pasu, Langkawi dan Yan. Sehubungan dengan itu, terdapat harta tanah wakaf yang tiada data dan rekod seperti di daerah Pendang, Sik, Kulim dan Bandar Baharu. Keseluruhan harta tanah wakaf ini adalah terdiri daripada wakaf am dan wakaf khas. Menurut

Syeikh Ahmad Zaki (2015), ketiadaan rekod bukan bermakna wakaf kaki tidak dilaksanakan di daerah-daerah berkenaan, tetapi ia cuma tidak direkodkan di dalam sistem yang diguna pakai sekarang, iaitu sistem e-wakaf 2005 .

Berdasarkan kepada jadual di atas, daerah Kota Setar adalah daerah yang paling banyak mempunyai lot tanah wakaf yang melibatkan jualan secara kaki persegi berbanding daerah-daerah lain, iaitu sebanyak enam lot dan berkeluasan 562,796.91 kaki persegi. Seterusnya, dua lot tanah di daerah Kuala Muda berkeluasan 32,001.305 kaki persegi, dua lot tanah di daerah Yan, dua lot di daerah Baling. Daerah Yan dan Baling hanya merekodkan keluasan tanah untuk satu lot sahaja, iaitu di Yan seluas 72,307.27 kaki persegi dan di Baling seluas 6,639.6110 kaki persegi. Keluasan tanah untuk lot yang berbaki tidak direkodkan di dalam sistem. Bagi daerah Kubang Pasu dan Langkawi mempunyai bilangan lot yang paling sedikit, iaitu masing-masing satu lot di Kubang Pasu yang berkeluasan 54,344.294 kaki persegi dan Langkawi yang berkeluasan 143,037.90 kaki persegi. Jumlah keseluruhan tanah secara kaki persegi yang melibatkan pembangunan wakaf kaki adalah sebanyak 918,827.27 kaki persegi .

Berdasarkan jadual tersebut juga dapat difahami bahawa tanah-tanah yang dibangunkan di semua daerah secara wakaf kaki adalah bertujuan sama ada untuk pembinaan surau atau masjid, penambahbaikan masjid, pembangunan bangunan dan prasarana sekolah agama, serta pembinaan tapak perkuburan Islam. Berdasarkan tujuan yang digariskan, harta tanah wakaf ini terdiri daripada tanah wakaf am dan tanah wakaf khas. Keluasan tanah untuk pembangunan ini adalah bergantung kepada persetujuan Jawatankuasa yang dilantik setelah mengambil kira keperluan pembangunan itu sendiri

3.0 PROSES KERJA PENGURUSAN WAKAF KAKI DI MAIK

Proses Kerja Pengurusan Wakaf Kaki pada asasnya adalah sama dengan pengurusan wakaf melainkan proses wakaf tidak disediakan dan tanah hanya dihebah kepada MAIK. Secara ringkasnya syarat-syarat berikut perlu penuhi oleh pemohon, iaitu:

- i. Pemohon hendaklah menubuhkan satu jawatankuasa kerja pengurusan wakaf kaki yang terdiri daripada pengerusi, setiausaha, bendahari, ahli jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira.
- ii. Jawatankuasa hendaklah menyediakan tanah cadangan wakaf kaki.
- iii. Jawatankuasa hendaklah menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi memperoleh tanah dan belanjawan pengurusan jawatankuasa.

- iv. Menyediakan surat permohonan dan kertas kerja wakaf kaki kepada Pegawai Agama Daerah.
- v. Tanah yang dicadangkan hendaklah dihebah kepada MAIK terlebih dahulu dan didaftar nama MAIK.
- vi. Mendapatkan kebenaran mengadakan program wakaf kaki dan kebenaran membuka akuan khas wakaf kaki.
- vii. Jawatankuasa hendaklah mencadangkan senarai nama penerima wakalah untuk menjual dan menerima wakaf bagi pihak MAIK.
- viii. Penerima wakalah hendaklah warganegara Malaysia, beragama Islam dan cukup umur.
- ix. Penama-penama yang dicadangkan hendaklah menerima wakalah daripada Yang Di Pertua MAIK dan menerima sijil wakalah.
- x. Penerima wakalah tidak dibenarkan mewakilkan kepada orang lain tanpa kebenaran MAIK untuk menjual dan menerima wakaf bagi pihaknya.
- xi. Penerima wakalah hanya dibenarkan untuk menjual dan menerima wakaf kaki di dalam Kedah sahaja.
- xii. Penerima wakalah hendaklah menunjukkan sijil wakalah semasa menjual dan menerima wakaf kaki dan menggunakan sijil wakaf yang dicop MAIK.
- xiii. Jawatankuasa hendaklah menyediakan sijil wakaf kaki mengikut format yang ditetapkan oleh MAIK dan sijil wakaf kaki hendaklah dicop MAIK.
- xiv. Penerima wakalah hendaklah merekodkan wang jualan wakaf kaki dan menyerahkan kepada bendahari.
- xv. Penerima wakalah dibenarkan oleh MAIK untuk mengambil wang suguhati tidak melebihi 10% daripada jualan wakaf kaki.

Sehubungan dengan itu, kutipan jualan selalunya mengambil masa yang agak lama bergantung kepada usaha jawatankuasa dan apabila semua lot-lot kaki persegi telah selesai dijual tanah tersebut akan dipindah milik menjadi hak milik MAIK secara sepenuhnya.

4.0 SKIM WAKAF KAKI: KAJIAN KES DI DAERAH KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Walaupun daerah Kota Setar sebagaimana yang dinyatakan di atas mempunyai enam lot tanah yang telah dibangunkan secara wakaf kaki, penulis hanya akan memperincikan tiga sampel tanah wakaf sahaja. Pelaksanaan wakaf kaki di tiga lokasi di daerah Kota Setar adalah bertujuan pembangunan tanah dalam tiga kategori berbeza, iaitu:

- i. Pembangunan tanah perkuburan-Masjid Kampung Aman.

- ii. Pembangunan pusat pendidikan-Maahad Tahfiz di Sungai Baru
- iii. Pembangunan masjid-Masjid al-Badar Jalan Langgar Kota Setar.

Hal ini bagi melihat secara lebih dekat lagi pelaksanaan wakaf kaki bagi kategori pembangunan berbeza dan isu serta masalah yang timbul jika ada, dari mula hingga selesainya pembangunan yang dimaksudkan.

4.1 Lot 613 , Bandar Alor Setar Daerah Kota Setar

Lot 613 adalah satu lot tanah yang terletak di Jalan Langgar Kota Setar bandar Alor Setar. Keluasan Lot tanah ini adalah 18480.28160 k/p. Jualan tanah wakaf secara kaki persegi ke atas lot tanah ini dilakukan sebanyak dua kali, iaitu pada tahun 2008 dan 2014. Permohonan kebenaran penjualan tanah wakaf secara kaki persegi telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penaja Masjid al-Badar kepada MAIK pada 5 Mei 2008 untuk membiayai kos pembelian tapak baru masjid sebagai tambahan kepada tapak sedia ada untuk membina sebuah masjid ekoran daripada pengambilan tanah dan pembesaran Jalan Persekutuan Jalan Langgar.

Pembelian tanah seluas 12,936 kaki persegi daripada dua pemilik tanah tersebut, iaitu Johari @ Abdul Hamid Bin Ahmad yang telah bersetuju untuk menjual 12/168 bahagian tanah dengan harga RM 70,000.00 dan Mustapha Bin Man pula yang telah bersetuju menjual 2/168 tanah tersebut dengan harga RM 18,428.97.00 kepada pihak jawatankuasa Masjid al-Badar. Pihak Jawatankuasa telah membuat pembayaran pendahuluan kepada Johari @ Abdul Hamid Bin Ahmad sebanyak RM 10,880.10 dengan berbaki RM59,119.90, manakala Mustapha Bin Man pula menerima bayaran pendahuluan sebanyak RM 2,000.00 dengan berbaki RM 16,482.97. Baki bayaran akan ditunaikan oleh pihak Jawatankuasa dalam tempoh enam bulan dengan tempoh lanjutan yang dipersetujui bersama oleh pihak pembeli dan penjual dengan cara mengadakan jualan wakaf secara kaki persegi. Penjual seterusnya telah bersetuju untuk memindah hak milik tanah kepada MAIK.

Kadar jualan sekaki persegi adalah sebanyak RM 25.00/kp. Anggaran kutipan bagi keluasan tanah seluas 12, 936 kaki persegi adalah RM 323,400.00 (RM25.00 x 12,936 kp). Baki jualan setelah ditolak kos pembelian tapak tanah akan digunakan untuk *maslahah* Masjid al-Badar. Jawatankuasa telah melantik 18 orang ahli sebagai penerima wakalah daripada MAIK untuk melaksanakan jualan tanah wakaf secara wakaf kaki persegi. Menurut Haji Zakaria Bin Md Zain (2015), Bendahari Jawatankuasa Masjid al-Badar menyatakan bahawa kutipan masih diteruskan sehingga kini kerana lot belum habis dijual. Walau bagaimanapun, kutipan telah mencapai hampir RM 300,000.00. Hasil kutipan ini telah digunakan untuk memperluaskan Masjid al-Badar dan membina stor .

Pihak Jawatankuasa Masjid al-Badar sekali lagi telah memohon kepada MAIK pada 6 Julai 2014 untuk penjualan tanah secara wakaf kaki ke atas sebahagian hartanah yang sama, iaitu 1/28 bahagian untuk tujuan pembangunan masjid atas faktor lokasinya yang terletak bersebelahan dengan tapak Masjid al-Badar yang sedia ada sekarang. Hartanah ini merupakan milik Basri Bin Umar (No. kad pengenalan :701016-02-6195) dan pihak masjid telah membelinya dari pemilik dengan harga RM80,000.00 tunai. Pihak Jawatankuasa telah mendahulukan pembayaran dengan menggunakan peruntukan kewangan dari Akaun Masjid al-Badar sendiri dan dengan cara melaksanakan jualan hartanah tersebut kepada orang ramai untuk diwakafkan secara kaki persegi.

Tujuan penjualan tanah tersebut secara kaki persegi kepada orang ramai adalah untuk diwakafkan semula kepada *maslahah* Masjid al-Badar dengan kadar jualan RM25.00 bagi setiap kaki persegi. Anggaran perolehan daripada hasil jualan tersebut adalah RM200,000.00, dan dimasukkan ke dalam akaun Jawatankuasa Masjid al-Badar di Bank Muamalat Malaysia Berhad. Kos pembelian tanah akan ditolak daripada jumlah kutipan dan akan digunakan untuk *maslahah* pembangunan masjid al-Badar pada masa akan datang.

Seramai 28 orang wakalah dilantik oleh MAIK untuk urusan kutipan jualan wakaf kaki persegi kali ini. 18 orang terdiri daripada penerima wakalah untuk kutipan wakaf kaki pada tahun 2008 dan 10 orang lagi terdiri daripada lantikan kalangan anak kariah yang baru. Walau bagaimanapun menurut Hj Zakaria (2015), harga tanah RM 80,000 tersebut telah dibayar sepenuhnya oleh seorang individu dengan tujuan wakaf. Jadi, pihak Jawatankuasa telah memilih untuk membeli bahagian tanah lot yang bersebelahan dengan lot tanah tadi dan masih dalam proses permohonan.

Sepanjang tujuh tahun kutipan wakaf kaki sebelumnya melalui temu bual dengan Haji Zakaria (2015), beliau telah menyatakan bahawa antara masalah utama adalah kutipan oleh wakil yang menerima wakalah tidak mencapai targetnya, iaitu RM324,400.00. Hal ini demikian kerana apabila bangunan Masjid al-Badar didirikan dengan peruntukan kerajaan sebanyak RM340,000.00, pihak wakil dilantik tidak lagi menyambung usaha jualan sedangkan tujuan kutipan adalah untuk *maslahah* pembangunan selain daripada bangunan masjid itu sendiri. Menurut Haji Zakaria (2015), 18 orang wakil yang telah dilantik tidak semuanya bergerak aktif menjalankan kutipan. Maksudnya mereka hanya menjual kepada kenalan, jiran tetangga dan keluarga terdekat sahaja. Jualan dari rumah ke rumah tidak dilaksanakan menyebabkan jumlah wang kutipan tidak mencapai sasaran seperti ditetapkan.

Semasa permohonan baharu dibuat pada tahun lepas, jawatankuasa mengambil inisiatif untuk melantik 10 orang baharu sebagai wakil untuk menerima wakalah dengan harapan wakil baharu akan bergiat lebih aktif daripada sebelumnya. Namun atas nasihat Pegawai Bahagian Zakat, wakil yang lama dikekalkan kerana urusan mengeluarkan wakalah melibatkan masalah prosedur dan masa. Walaupun Jawatankuasa baharu dilantik untuk mengendalikan skim wakaf kaki yang terkini, maklumat serta jumlah kutipan mudah diperolehi oleh penulis kerana sistem perekodan yang kemas dan sistematik.

4.2 Lot 611, Mukim Gunong Alor Setar Kedah

Lot 611 adalah satu lot tanah yang terletak di mukim Sungai Baru Gunung, Alor Setar Kedah yang telah dibeli oleh Lembaga Darul Quran. Harga pembelian tanah tidak diketahui. Keluasan lot tanah ini adalah 68,384.97 kaki persegi. Permohonan kebenaran menjual tanah secara wakaf kaki persegi telah dilaksanakan pada 24 September 2004 adalah sebagai satu alternatif pihak lembaga sekolah mengumpul dana untuk tujuan masalah pembangunan Kompleks Pendidikan Darul Quran. Hal ini demikian kerana keperluan kepada bangunan baru untuk prasarana pengajaran dan pembelajaran pelajar yang semakin meningkat saban tahun. Sekolah ini telah didaftarkan sebagai Sekolah Menengah Agama Darul Quran Kg Sg Baru di bawah Seksyen 13(1) Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1988 pada 22 September 2002.

Kadar jualan adalah sebanyak RM30.00/kaki persegi yang melibatkan sebanyak 68,384 kaki persegi. Namun penjualan pada peringkat pertama tidak melibatkan keseluruhan tanah tetapi hanya 8,333 kaki persegi sahaja. Anggaran kutipan adalah sebanyak RM249,990.00. Pihak Jawatankuasa telah melantik seramai 41 orang sebagai penerima wakalah dalam urusan jualan tanah secara kaki persegi ini.

Menurut Ustaz Hussain Bin Jusoh (2015) selaku Pengerusi Darul Quran, kutipan telah dijalankan sejurus mendapat persetujuan dan kelulusan daripada MAIK dan sijil Wakalah dikeluarkan kepada mereka yang dilantik untuk membuat kutipan. Metodologi yang digunakan dalam mengumpul hasil jualan wakaf secara kaki persegi adalah melalui kaedah kutipan secara manual. Kaedah ini adalah kaedah tradisional, iaitu penerima wakalah akan mendekati pewakaf secara peribadi dan memberikan penjelasan atau taklimat secara individu atau kumpulan.

Namun begitu, sambutan yang diberikan oleh masyarakat setempat mahupun luar amatlah mengecewakan kerana sasaran kutipan masih tidak tercapai hingga kini berikutan dengan kegagalan pihak yang dilantik untuk menjual lot dengan

aktif. Kutipan hanya melibatkan jumlah yang sedikit sahaja. Jumlah sebenar kutipan tidak diketahui kerana segala rekod dan data telah musnah di dalam banjir besar yang melanda negeri Kedah pada 2012. Jadi, tujuan kutipan untuk membangunkan prasarana sekolah tidak tercapai dan pihak sekolah terpaksa menggunakan dana lain untuk tujuan tersebut.

4.3 Lot 5723 Mukim Pengkalan Kundor Alor Setar Kedah

Lot 5723 adalah sebuah lot tanah yang terletak di Kampong Keriang Pulau Mukim Pengkalan Kundor Alor Setar Kedah. Lot tanah ini berkeluasan 34,504 kaki persegi. Pihak Jawatankuasa Kariah Masjid Aman telah mengambil inisiatif untuk memohon kebenaran daripada MAIK untuk membeli sebahagian tanah tersebut dan diwakafkan secara kaki persegi untuk dijadikan tanah perkuburan Islam Masjid Taman Aman Simpang Kuala. Hal ini adalah kerana walaupun bilangan anak kariah yang terdapat di dalam kariah Masjid Aman dianggarkan sebanyak 4,500 orang, Masjid Taman Aman masih tidak mempunyai tapak perkuburan sendiri. Anak-anak kariah yang meninggal dunia terpaksa dikebumikan di tanah perkuburan yang dimiliki masjid lain, antaranya di tanah perkuburan Masjid Al-Ghufran Persiaran Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah.

MAIK telah memberi kelulusan untuk membeli tanah yang berkeluasan 35,504 kaki persegi ini, iaitu $\frac{3}{4}$ bahagian tanah daripada tuan tanah Dato' Syekh Zainol Bin Hj Embong pada 8 Februari 2011. Walau bagaimanapun, tuan tanah hanya bersetuju untuk menjual tanah seluas 10,000 kaki persegi sahaja dengan harga RM200,000.00, manakala baki 24,504 kaki persegi lagi dihebahkan kepada pihak Jawatankuasa Masjid Aman tanpa sebarang bayaran.

Seramai 15 orang penerima wakalah telah dilantik untuk menjual lot tanah sebanyak 24,488 kaki persegi kepada masyarakat awam dengan harga RM 20.00 se k/p. Oleh itu, jumlah anggaran perolehan adalah sebanyak RM489,760.00. Jumlah kutipan digunakan untuk pembayaran harga tanah, iaitu RM200,000.00 dan baki sebanyak RM 289,760.00 digunakan untuk membangunkan tanah agar ia sesuai untuk dijadikan sebuah tanah perkuburan. Pembangunan tanah ini termasuklah kerja menambun, memagar kawasan dan tempat letak kereta jenazah, keluarga jenazah dan pelawat. Kos pembangunan ini mencecah hampir RM 210,000.00. Baki selebihnya digunakan untuk *maslahah* pembangunan Masjid Aman sendiri.

Menurut Tuan Haji Bukhari bin Abdullah (2015) selaku Setiausaha Jawatankuasa Masjid Aman, jualan setakat 31.12.2014 adalah sebanyak RM 413,440.00, iaitu 20,672 kaki persegi. Hal ini bermakna lot berbaki yang masih belum dijual adalah 3,816 k/p lagi. Pihak Jawatankuasa menambah lima orang penerima wakalah lagi

untuk kutipan bagi mempercepatkan proses jualan kerana terdapat wakalah yang sedia dilantik sakit dan meninggal dunia. Menurut beliau, semua wakalah yang dilantik adalah mereka yang terdiri daripada orang yang amanah dan berdedikasi. Masalah penipuan mahupun keraguan tidak timbul kerana setiap orang wakalah dikehendaki mengisi penyata jualan individu untuk kelicinan pentadbiran dan rekod. Namun, jawatankuasa menghadapi masalah kerana penerima wakalah tidak mengikut format dan standard borang laporan jualan sebagaimana yang dikehendaki. Pengemaskinian data tidak dilakukan kerana kebanyakan penerima wakalah terdiri daripada warga emas yang menghadapi masalah mengisi borang dan penyata untuk dokumentasi. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa telah menetapkan setiap penerima wakalah untuk memasukkan hasil jualan lot tanah itu terus ke dalam akaun yang telah ditetapkan bagi memudahkan urusan .

Sambutan masyarakat amatlah menggalakkan tetapi pihak penerima wakalah perlu bekerja keras kerana setiap individu selalunya hanya membeli satu atau dua lot sahaja. Pihak Jawatankuasa juga berusaha untuk memaklumkan kepada orang ramai kewujudan skim wakaf kaki untuk tanah perkuburan ini dengan cara mengeluarkan *pamphlet* dan menggantung banner di tempat-tempat yang strategik. Pihak Jawatankuasa tidak menghadapi masalah dalam mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh MAIK kerana mendapat tunjuk ajar dan panduan serta kerjasama yang baik sama ada dari Bahagian Wakaf dan Pejabat Tanah.

5.0 KESIMPULAN

Pelaksanaan wakaf tanah secara wakaf kaki yang telah dilaksanakan sejak sekian lama di negeri Kedah telah menampakkan beberapa kejayaan khususnya bagi kawasan yang bernilai komersial tinggi. Adalah diharapkan sistem ini akan dapat menyelesaikan beberapa masalah khususnya melibatkan kawasan tanah wakaf yang sedia ada tetapi mempunyai skala yang kecil untuk dibangunkan. Prosedur dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MAIK bagi sebarang permohonan wakaf kaki adalah untuk memastikan tidak berlaku sebarang penyelewengan dan ketirisan serta penyalahgunaan kuasa dalam urusan jualan dan kutipan wakaf secara kaki persegi ini. Pelaksanaan ini haruslah dipantau oleh pihak MAIK agar niat atau matlamat pewakaf untuk mewakafkan tanah tercapai. Walaupun mewakafkan tanah secara kaki persegi telah diamalkan sejak dahulu lagi di negeri Kedah, namun ia tidak direkodkan secara sistematik. Bahagian Wakaf MAIK hanya mempunyai rekod sebahagian sahaja lot-lot tanah yang melaksanakan jualan wakaf secara kaki persegi, iaitu dari tahun 1998 yang melibatkan 14 lot tanah sahaja.

Berdasarkan tiga lokasi lot tanah yang telah dikaji, penulis dapati bahawa kejayaan pelaksanaan kutipan secara wakaf kaki ini adalah bergantung sepenuhnya kepada usaha keras jawatankuasa terbabit. Masalah utama yang dihadapi oleh ketiga-tiga jawatankuasa adalah kutipan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Namun, kutipan yang berjaya diperoleh jawatankuasa telah digunakan dan diurus sepenuhnya untuk membayar harga tanah kepada pemilik demi merealisasikan objektif pelaksanaan wakaf kaki seperti ditetapkan. Selain itu, penulis turut berpandangan usaha untuk mencari dana bagi pembangunan seperti pembinaan Kompleks Pendidikan Darul al-Quran tidak sepatutnya terhenti begitu sahaja kerana kebenaran untuk melaksanakan wakaf kaki tersebut tidak mempunyai tarikh luput. Promosi besar-besaran sepatutnya dijalankan oleh pihak Jawatankuasa bagi memastikan masyarakat menyedari kewujudan skim dan kepentingannya, sekali gus mereka akan turut sama menyumbang sebahagian harta untuk kebajikan dan bakal menjadi saham akhirat.

RUJUKAN

- Al-Dusuqi, Syams al-Din al-Syakh Muhammad 'Arfah. (1980). *Hasyiyah al-Dusuqi 'ala Syarh al-Kabir*, j. 4. Qaherah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Khatib al-Syarbini. (1997). *Mughni al-Muhtaj*, jil. 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din (t.t.), *al-Majmu'*, jil. 16. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Al-Sarakhsi (t.t.), *al-Mabsut*, jil. 12. Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Azman Hasan Bahagian Sumber Am MAIK, Temubual pada 15 Jun 2015.
- Baharuddin Sayin, Asmak Ali, S. Salahudin Suyurno. (2006). Pengenalan Kepada Konsep Wakaf dalam Islam, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Shah Alam: UiTM.
- Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Mohd Nor, Mantan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Temu bual pada 23 Mac 2015.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Kedah Darul Aman (2008).
- Haji Zakaria Bendahari Jawatankuasa Masjid Al-Badar, Temubual pada 10 Jun 2015.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. (1994). *Rad al-Mukhtar 'Ala al-Durr al-Mukhtar*, jil. 6. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. (1990). *Lisan al-'Arab*, j. 9. Beirut: Dar Sadr.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad. (1972). *Al-Mughni*, j.6, c.4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.

- Mohd Shah Firafizal bin Abu Bakar. (2005). "Dana Wakaf MAINPP: Amalan dan Pelaksanaan," (Kerja Seminar Dana Wakaf Peringkat Negeri Pulau Pinang 2005, di Bilik Auditorium Dewan Milenium, Kepada Batas Seberang Prai Pulau Pinang, Pada 17 Julai 2005/10 Jamadil Akhir 1426).
- Tuan Haji Bukhari Bin Abdullah, Setiausaha Jawatankuasa Masjid Aman, Temu bual pada 18 Jun 2015.
- Tuan Syeikh Ahmad Zaki Bin Ghazali, Ketua Bahagian Wakaf MAIK, Temu bual pada 9 April 2015, 7 Mei 2015 dan 15 Jun 2015.
- Ustaz Hussain bin Jusoh, Pengerusi Darul al-Qur'an. Temu bual pada 10 Jun 2015.
- Zaharuddin Abdul Rahman. (2014). Sedekah luar biasa .Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Zulkifli Mohamad Al Bakri. (2012). Wakaf Dalam Islam, Kuala Lumpur: Bank Muamalat Berhad